
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2003/2004

Februari/Mac 2004

HMT 228 - Sociolinguistik

Masa: 3 jam

Sila pastikan kertas peperiksaan mengandungi **LIMA** soalan di dalam **SEMBILAN** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas ini mengandungi **DUA** Bahagian - Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A ada **DUA** soalan. Jawab **SEMUA**. Bahagian B ada **TIGA** soalan. Pilih **DUA** sahaja. Jumlah soalan yang mesti dijawab ialah **EMPAT** soalan.

Semua soalan membawa jumlah markah yang sama – 25 markah.

...2/-

Bahagian A

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Jawab [a] hingga [d] dengan melihat Petikan Akhbar 1 yang diambil dari Utusan Malaysia, Rabu 19 Disember 2003 di halaman 3.
 - [a] Kenal pasti fenomena sosiolinguistik yang diperlihatkan dalam petikan ini.

[1 markah]
 - [b] Menggunakan empat [4] faktor sosiolinguistik, bincangkan kesesuaian cadangan Datuk Seri Rafidah Aziz dalam suasana persekitaran pelbagai budaya di Malaysia.

[8 markah]
 - [c] Bentuklah satu cara untuk melaksanakan cadangan Datuk Seri Rafidah Aziz ini.

[6 markah]
 - [d] Jelaskan empat [4] kekangan yang perlu diatasi dan cara mengatasi kekangan ini sebelum anda membentuk cara untuk melaksanakan yang dinyatakan dalam 1(c).

[10 markah]

Henti panggil Perdana Menteri Pak Lah — Rafidah

KUALA LUMPUR 18 Nov. — Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz hari ini menyarakkan supaya semua rakyat Malaysia termasuk pihak media supaya tidak lagi memanggil Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan nama kimpangannya iaitu Pak Lah.

"Saya ingin menyarakkan kepada rakyat Malaysia sunggupun kita mesra dengan Perdana Menteri kita, sunggupun kita seroklah kita panggil beliau sebagai Datuk Seri Abdullah."

"Kalau beliau Perdana Menteri, seperti

juga Tun Dr. Mahathir Mohamad, tak pernah sesiapapun tergamak memanggil beliau sebagai Che Det, sunggupun itu nama ti mangannya. Jadi eloklah kita memulakan budaya memberikan penghormatan kepada beliau (Abdullah)," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas menyampaikan sambutan Hari Raya kepada anak-anak yatim dan ibu tunggal yang disumbangkan oleh Perguruan Wanita UMNO Bahagian Sepuluh dan Metrojaya Berhad bertempat di Mid Valley Megamall dekat sini.

Katanya, saranan itu bukan dibuat berde-

sarkan kedudukan beliau sekarang, sebaliknya adalah sebagai penghormatan kepada beliau selaku Perdana Menteri selain untuk mengelakkan nama gelaran itu turut digunakan oleh anak-anak muda yang akan menimbulkan perasaan kurang manis.

Katanya, gelaran itu mungkin boleh digunakan ketika situasi tidak formal tetapi ia tidak sesuai digunakan pada sesi pertemuan secara umum atau dalam majlis rasmi.

Pengiklapan itu juga akan membolehkan masyarakat luar turut menghormati Perdana Menteri yang baru diantik itu sebagai pemimpin Malaysia.

"Saya tak mahu orang luar panggil beliau Pak Lah, jengon sokali-kali orang luar mengucil-kedulkan pemimpin kita dengan memanggil dia Pak Lah... jadi tak nampak hormat, misalnya reporter luar."

"Baru kita didik orang panggil dia Datuk Seri Abdullah (sekarang) nampak dah lanjut anak yang tua pun Pak Lah, yang muda pun Pak Lah, budak sekolah pun Pak Lah, besok jadi kurang manis je. Saya harap akhir pun tak usalah panggil dia Pak Lah lagi, panggil 'Perdana Menteri lah,'" katanya.

— Bernama

Petikan Akhbar 1

2. Ingat kembali kepada aktiviti tayangan video yang yang diadakan dalam kuliah. Video ini melibatkan persekitaran dua bahasa yang mempunyai lebih daripada dua budaya. Jawab [a] hingga [c] berdasarkan tayangan video tersebut.
- [a] Kenal pasti nama filem yang disiarkan, dan berikan dua [2] aktiviti perbualan dan dua [2] aktiviti bukan-perbualan yang memperlihatkan Teori Akomodasi. [5 markah]
- [b] Berdasarkan aktiviti perbualan dan bukan-perbualan yang dinyatakan dalam 2[a], jelaskan Teori Akomodasi. [10 markah]
- [c] Kenal pasti aspek kesopansantunan yang melibatkan tabuisme yang terdapat dalam filem yang disebut dalam 2(a). Terangkan aspek kesopansantunan yang melibatkan tabuisme ini dengan mengaitkannya dengan budaya masyarakat Melayu. [10 markah]

Bahagian B

Pilih dan jawab **DUA** soalan.

3. Jawab [a] hingga [c] dengan melihat Gambar 1 dan Gambar 2.

CITITREND TEXTILES SDN. BHD. (305985-A)
 Pengimpot, Pemborong dan Peruncit Pakaian dan kain

Tel: 1-31, Megamall Pinang, Jalan Baru, 13600 Prni, Butterworth. Tel: 04-3981998
 G-15, Tingkat Bawah, Butel Jambul Kompleks, 11900 P. Pinang. Tel: 04-6452993

Koleksi Rubec Rahmah

- Ribuan pasang disediakan
- Jahitan: dijamin kemas
- Baju kurung: siap dari harga RM29.90
- Tudung: berbagai jenis dari harga RM2.90
- Kain meter: berkualiti dari harga RM22.00
- Baju melayu: pasang dari harga RM69.90

HARGA BORONG SEMUA BARANGAN!

PENGEDAR DIKEHENDAKI!

Gambar A

POPULAR 大众书局

Immediate Vacancies 急聘

Management Trainees
 行政见习员 Based in KL / Petaling Jaya

Cashiers
 收银员 Based in Penang

Retail Assistants Based in Penang
 零售助理

Walk-in Interview / 现场面试

Date : 24 & 25 Sep 2003 (Wed & Thurs / 星期三至星期四)
 Time : 11.00am - 6.00p.m.
 Venue : 4th Flr, Prangin Mall Komtar, Penang
 Tel : 04-2636122

Please bring along a passport-sized photograph, original and copies of certificates and copy of IC.


Attractive benefits / 福利: Medical and hospitalization benefits / 医药及住院福利
 Excellent career advancement opportunities / 职涯无涯
 Candidates who are unable to attend the above Walk-in-interview may drop in at any POPULAR outlets for an interview or may write in / Fax in to the address below.

Human Resource Manager
 Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd.
 No. 8, Jalan 7/1189, Desa Tun Razak, 50600 Kuala Lumpur.
 Tel: 03-9179 6333 Fax: 03-9179 0208 Email: pmhr@popjaring.my

Gambar B

- [a] Namakan dan berikan definisi fenomena penggunaan bahasa dari segi bilangan bahasa yang tertera dalam setiap gambar. [6 markah]
- [b] Huraikan empat [4] faktor yang mempengaruhi kewujudan fenomena yang dinyatakan dalam 3(a) dalam konteks di Malaysia. [15 markah]
- [c] Nyatakan laras yang digunakan dalam kedua-dua gambar tersebut dan berikan justifikasi anda. [4 markah]

4. Jawab [a] hingga [c] dengan merujuk kepada Petikan Buku 1 di halaman 7 dan Petikan Buku 2 di halaman 8.
- [a] Kenal pasti aspek usia dan gender pembaca sasaran untuk kedua-dua petikan.
[4 markah]
- [b] Bincangkan dan berikan bukti untuk jawapan yang diberikan untuk 4[a].
[15 markah]
- [c] Tukarkan teks dalam Petikan Buku 1 kepada teks yang bersesuaian untuk pembaca sasaran yang berbeza daripada yang anda nyatakan dalam 4[a].
[6 markah]



Pada suatu petang, Susu dan Tompok keluar berjalan-jalan. Mereka hendak pergi ke taman bunga. Sambil berjalan, mereka bergurau dan bermain. Mereka amat gembira.

Petikan Buku 1

Ratu Balqis Mengadakan Mesyuarat

Seluruh dayang yang berada di sekeliling Ratu Balqis ketika itu tercengang melihat perubahan yang amat ketara di wajah sang ratu mereka.

"Ampun Tuanku...! Apakah gerangan isi surat aneh itu...?" tanya salah seorang daripada mereka.

"Masalah besar, pelik dan aneh sekali...! Kandungannya amat berbahaya. Ini adalah permulaan kehancuran kerajaan yang makmur ini...!" jawab Ratu Balqis.

Kemudian Ratu Balqis memerintahkan kepada pengawal istananya untuk mengundang semua menteri, pembesar negara dan penasihat kerajaannya untuk berkumpul bagi mengadakan mesyuarat dalam menanggapi kandungan surat itu.

Setelah semuanya hadir, maka Ratu Balqis memulailah perbicaraannya.


"Saudara-saudara para menteri, pembesar negara dan para penasihat kerajaan Saba'. Saudara-saudara mungkin terkejut kerana panggilan mesyuarat yang mendadak ini. Ini semuanya saya lakukan adalah kerana ada suatu perkara penting yang perlu kita perkatakan hari ini...!" ujarnya memulailah pidatonya.

"Apakah masalah yang penting itu, wahai Tuan-ku...?" tanya salah seorang daripada hadirin.

"Pagi tadi, di saat saya duduk-duduk bersama dayang-dayang istana. Tiba-tiba jatuhlah sepucuk surat yang dibawa oleh seekor burung hud-hud, kemudian burung itu menghilang entah ke mana. Setelah saya buka,



5. Jawab [a] hingga [c] dengan melihat Gambar 3.



Gambar 3

- [a] Kenal pasti dan nyatakan tiga [3] aspek bahasa bukan verbal yang terdapat dalam Gambar 3.
[6 markah]
- [b] Beri tumpuan kepada bahagian yang dibulatkan dalam Gambar 3. Bincangkan bahagian ini dari aspek emosi peserta yang terlibat. Kaitkan perbincangan tersebut dengan Hipotesis Sapir-Whorf.
[15 markah]
- [c] Namakan kelompok masyarakat yang terlibat dalam gambar ini, dan berikan dua [2] bukti sosiolinguistik mengapa anda mengatakan sedemikian.
[4 markah]

